



Rapid Bus Sdn Bhd 201201040722 (1025200-A)

RAPID PENANG OFFICE

Lorong Kulit, 10460 Pulau Pinang.

Tel : +604-238 1212 Fax : +604-228 1070 Website : www.rapidpg.com.my

rapidKL rapidPenang rapidKuantan



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

PERKHIDMATAN RAPID PENANG ON-DEMAND DIPERLUASKAN MULAI 15 MAC 2025

PULAU PINANG, 10 Mac – Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) selaku pengendali perkhidmatan bas Rapid Penang akan meluaskan perkhidmatan *Rapid Penang On-Demand* atau sebelum ini dikenali sebagai perkhidmatan *Demand Responsive Transit (DRT)* dengan penambahan tiga (3) laluan baharu serta dua (2) buah van tambahan bagi laluan sedia ada yang akan beroperasi mulai 15 Mac 2025.

Laluan-laluan baharu ini bertujuan untuk memenuhi permintaan pengangkutan awam di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk tinggi serta kawasan baharu yang masih belum mempunyai akses kepada pengangkutan awam. Antaranya adalah:

Kod Laluan	Laluan	Jumlah van	Aplikasi tempahan
T110B	Gurney dan Tg. Bungah	6	Kummute
T710B	Sunway dan Butterworth	6	
T211B	Paya Terubong	1	

Laluan-laluan ini turut menghubungkan perjalanan batuan pertama dan batuan terakhir (*first and last mile*) penumpang dengan rangkaian perkhidmatan Rapid Penang yang sedia ada, sekali gus meningkatkan kesalinghubungan pengangkutan awam di negeri ini.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Bus Sdn Bhd, Ku Jamil Zakaria, berdasarkan permintaan yang menggalakkan, Rapid Bus merancang menempatkan sejumlah lima puluh (50) buah van secara berperingkat sepanjang tahun ini untuk perkhidmatan di Pulau Pinang.

Langkah strategik ini bertujuan bagi menggalakkan orang awam beralih kepada penggunaan pengangkutan awam yang lebih fleksibel dan efisen.



FIRST ORGANIZATION TO
RECEIVE FIVE ISO
CERTIFICATION
THROUGH INTEGRATED
MANAGEMENT SYSTEM
IN A SINGLE AUDIT

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS
05 100 22020 05 100 22022
05 100 22021 05 100 22023

CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS
14 104 22004 14 104 22006
14 104 22005 14 104 22007

CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHSMS
44 126 22 92 0025 44 127 22 92 0027
44 126 22 92 0026 44 126 22 92 0028

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2018
CERT. NO.: ISMS 00341

CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO.: ABMS 00129

Laluan sedia ada, T210B (Farlim dan Air Itam) yang telah dilancarkan pada 1 Ogos 2024 lalu akan turut ditambahbaik dengan penambahan dua (2) buah van, menjadikan jumlah keseluruhan empat (4) buah van. Penambahbaikan ini adalah bertujuan menampung permintaan tinggi serta mengurangkan waktu menunggu para penumpang dari 17 minit ke 10 minit.

Sejak laluan ini beroperasi, purata jumlah penumpang harian adalah 137 orang penumpang, melebihi sasaran awal iaitu purata 100 orang penumpang harian. Secara kumulatif, jumlah penumpang laluan ini telah mencecah lebih 26,000 orang penumpang sejak tujuh (7) bulan beroperasi.

Perkhidmatan *Rapid Penang On-Demand* beroperasi setiap hari dari jam 6.00 pagi hingga 11.00 malam dan perkhidmatan ini boleh ditempah melalui aplikasi Kummute. Penumpang masih boleh menikmati tambang promosi RM1.00 untuk setiap perjalanan dan akan melaksanakan mod pembayaran tanpa tunai seperti berikut:

- Pas Mutiara My50
- Pas OKU Smile
- Kad debit/kredit
- DuitNow QR
- e-Dompet

Pelaksanaan mod pembayaran tanpa tunai akan bermula pada 13 Mac 2025 bagi laluan sedia ada (T210B – Farlim dan Air Itam), diikuti dengan tiga (3) laluan baharu yang akan diperkenalkan mulai 15 Mac 2025.

Untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan ini, boleh melayari laman media sosial rasmi Rapid Penang atau laman web www.myrapid.com.my

[TAMAT]

Dikeluarkan oleh Rapid Bus Sdn Bhd. Untuk pertanyaan media, sila hubungi Rafidah Abdul Karim: rafidah.abdulkarim@prasarana.com.my / Nur Ashikin Jamaludin: nurashikin@prasarana.com.my